

**EDITOR, MEJA BERITA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**CADANGAN PENGURANGAN PERUNTUKAN KESIHATAN SERTA  
PENDIDIKAN: SUHAKAM GESA PENDEKATAN BERASASKAN HAK ASASI  
DALAM MENGHADAPI TEKANAN EKONOMI**

**KUALA LUMPUR (1 MEI 2026)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menzahirkan kebimbangan serius terhadap kesan berganda cabaran ekonomi semasa ke atas golongan rentan, khususnya wanita, kanak-kanak, dan komuniti berpendapatan rendah, termasuk individu tanpa dokumen, tanpa kerakyatan, serta pelarian, susulan laporan terkini mengenai cadangan pengurangan perbelanjaan awam bagi sektor-sektor kritikal.

Perkembangan mutakhir menunjukkan bahawa Perbendaharaan Malaysia telah mencadangkan pengurangan bajet sebanyak RM5.4 bilion yang melibatkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pendidikan tinggi. Cadangan pengurangan kepada KKM amat membimbangkan memandangkan ia berlaku ketika permintaan terhadap perkhidmatan kesihatan awam, sokongan pemakanan, dan perkhidmatan sosial asas semakin meningkat, khususnya dalam kalangan mereka yang paling terkesan akibat peningkatan kos sara hidup.

SUHAKAM menegaskan bahawa penguncupan fiskal dalam sektor kesihatan semasa tempoh tekanan ekonomi adalah amat membimbangkan. Bukti di peringkat global menunjukkan bahawa sistem kesihatan sering menjadi antara sektor yang paling terjejas ketika krisis, dengan implikasi jangka panjang terhadap hasil kesihatan awam. Di Malaysia, pengurangan sedemikian berisiko memburukkan lagi jurang sedia ada dari segi akses, kualiti, dan kesaksamaan dalam perkhidmatan kesihatan.

SUHAKAM turut bimbang bahawa pengurangan tersebut, sekiranya dilaksanakan tanpa perlindungan yang mencukupi, berisiko menjejaskan akses kepada perkhidmatan asas yang kritikal bagi perlindungan hak asasi manusia, khususnya dalam bidang kesihatan wanita, perkembangan kanak-kanak, serta kesejahteraan golongan rentan dan terpinggir lain termasuk warga emas, orang kurang upaya, dan isi rumah berpendapatan rendah. Kesukaran ekonomi memberi tekanan tambahan kepada isi rumah dan boleh membawa kepada kesan kesihatan yang negatif, termasuk pengurangan akses kepada makanan berkhasiat, kelewatan mendapatkan rawatan, serta kemerosotan kesihatan fizikal dan mental.

SUHAKAM seterusnya menegaskan bahawa langkah sedemikian boleh dianggap sebagai satu kemunduran dalam merealisasikan hak ekonomi, sosial dan budaya. Malaysia telah secara sukarela komited kepada Matlamat Pembangunan Mampan 3 (SDG 3): Kesihatan Baik dan Kesejahteraan, yang bertujuan memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua pada semua peringkat umur. Secara khusus, Sasaran 3(c) menyeru peningkatan pembiayaan kesihatan serta pengukuhan kapasiti tenaga kerja kesihatan. SUHAKAM mengambil maklum bahawa kedua-dua Kementerian Kewangan Malaysia dan Kementerian Ekonomi Malaysia telah mengenal pasti SDG 3 sebagai keutamaan nasional berikutan impak sosialnya yang besar. Komitmen ini mesti dipertahan dan dilaksanakan secara bermakna. Kerajaan tidak boleh mengambil langkah ke belakang dalam hak awam terhadap kesihatan, iaitu hak asasi manusia teras dalam kategori ekonomi, sosial dan budaya. Hak kepada kesihatan

juga merupakan hak perlembagaan yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan. Sebarang langkah konsolidasi fiskal mesti ditentu ukur dengan teliti agar tidak menjejaskan akses saksama kepada perkhidmatan kesihatan dan sistem sokongan asas.

SUHAKAM mengulangi bahawa hak kepada kesihatan, makanan mencukupi, dan kesejahteraan adalah hak asasi manusia yang paling asas, yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan, serta diperakui dalam obligasi antarabangsa termasuk Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC).

Sehubungan itu, SUHAKAM menggesa Kerajaan untuk:

- i. Memastikan sebarang langkah konsolidasi fiskal tidak memberi kesan tidak seimbang kepada golongan rentan, khususnya warga emas, wanita, kanak-kanak, dan kumpulan berpendapatan rendah;
- ii. Melindungi dan, jika perlu, meningkatkan peruntukan bagi perkhidmatan kesihatan asas selaras dengan komitmen SDG, termasuk kesihatan ibu dan reproduktif, pemakanan kanak-kanak, serta sokongan kesihatan mental;
- iii. Memperkukuh sistem kesihatan dan sokongan sosial berasaskan komuniti, khususnya bagi populasi yang kurang mendapat perkhidmatan dan berisiko;
- iv. Memperluas bantuan sosial bersasar, termasuk sokongan makanan dan pemakanan kepada keluarga berpendapatan rendah;
- v. Menggunakan pakai pendekatan berasaskan hak asasi manusia dalam penggubalan bajet, dengan memastikan ketelusan, penyertaan, dan kebertanggungjawaban dalam proses membuat keputusan fiskal.

SUHAKAM menegaskan bahawa respons dasar terhadap tekanan ekonomi tidak boleh mengorbankan golongan paling rentan. Komitmen terhadap pembangunan mampan dan hak asasi manusia harus disertai dengan pilihan dasar yang konkrit. Malaysia bukan sahaja perlu mengutamakan SDG 3 dari segi prinsip, tetapi juga menterjemahkan keutamaan ini dalam amalan. SUHAKAM kekal komited untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan bagi memastikan agar dasar pembangunan Malaysia membela maruah insan tanpa meminggirkan sesiapa.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)  
1 Mei 2026**